

08/09/1997

PM dedah rahsia awet muda

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan "resipi" bagaimana beliau sentiasa kelihatan muda.

Presiden Umno berkata antara resipi itu ialah tidak merokok, tidak meminum arak dan tidak makan berlebihan.

"Pertama, kita mesti cari ibu bapa yang sentiasa kelihatan muda," katanya sambil disambut deraian ketawa para perwakilan ketika menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno, di Pusat Dagangan Dunia Putra, semalam.

"Kedua, jangan hisap rokok dan saya tidak hisap rokok. Dulu, saya cuba juga nak hisap rokok tetapi lepas perang (Dunia Kedua), harga rokok mahal. Saya cuba hisap rokok "Kooa" (sambil mengeja perkataan itu).

"Kemudian, bila Tentera Inggeris kembali, mereka bawa masuk rokok "Rough Rider" dan saya beli dan cuba menghisapnya. Tak sedap, dan saya fikir mengapa saya belanja duit untuk hisap benda yang tak sedap," katanya sambil berkata selepas itu beliau tahu bahawa rokok boleh menyebabkan barah.

"Ketiga, jangan minum ... air boleh ... tetapi bukan benda dalam botol (arak) ataupun dalam kole (todi).

"Dan akhir sekali, mak saya pesan, bila tengah-tengah sedap makan berhenti. Yang ini yang paling susah sekali nak buat," katanya sambil menjelaskan beliau mengamalkan amalan itu sehingga kini.

Dr Mahathir berkata, beliau sebenarnya tidak mempunyai apa-apa rahsia istimewa tetapi kerana ramai yang mahu mengetahui "resipinya", beliau menceritakannya.

Menurutnya untuk sentiasa kelihatan muda, tiada jalan pintas atau makan "pil mustajab."

Perdana Menteri berkata, beliau sebenarnya berusia 72 tahun bukan 71 tahun.

"Ini terjadi kerana (Allahyarham) bapa saya mendaftar kelahiran saya lewat enam bulan," katanya. Tarikh lahir Dr Mahathir mengikut pendaftaran rasmi ialah 20 Disember 1926.

Pada perbahasan usul terima kasih ke atas ucapan presiden perhimpunan itu, beberapa perwakilan meminta beliau "menurunkan" rahsia beliau sentiasa kelihatan muda.

(END)